

TEKS UCAPAN ALU-ALUAN KP SEARCCT

FORUM KENEGARAAN

**‘PERSEFAHAMAN ANTARA AGAMA PERKUKUH
KESEPADUAN SOSIAL’**

21 SEPTEMBER 2022

10.00 PAGI – 1.00 TENGAH HARI

Salam sejahtera,

**Yang Berbahagia Dato' Norman Muhamad,
Timbalan Ketua Setiausaha Hubungan Dua Hala,
Kementerian Luar Negeri
yang mewakili Yang Berhormat Dato' Sri Saifuddin
Abdullah, Menteri Luar Negeri**

**Yang dihormati Ahli-ahli panel dan moderator Forum,
Seterusnya,**

**Tuan-tuan, puan-puan, hadirin dan hadirat yang sudi hadir
dalam forum kenegaraan pada hari ini.**

1. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan selamat datang ke Forum 'Persefahaman Antara Agama Perkukuh Kesepaduan Sosial' pada hari ini.
2. Terima kasih yang tidak terhingga buat ahli-ahli panel dan moderator kerana sudi menerima jemputan. Seterusnya, penghargaan juga buat tuan-tuan dan puan-puan yang hadir ke forum pada hari ini.

Para hadirin sekalian,

3. Seperti yang sebahagian sedia maklum, Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan, atau lebih dikenali sebagai SEARCCT, adalah salah sebuah agensi di bawah Kementerian Luar Negeri.
4. Secara asasnya, SEARCCT berfungsi sebagai sebuah pusat latihan dan penyelidikan dalam bidang keganasan dan mencegah keganasan. Justeru, SEARCCT menjalankan fungsinya bukan sahaja menerusi penganjuran program-program latihan atau bina upaya, malah terlibat dengan aktiviti-aktiviti kesedaran awam, komunikasi strategik dan penyelidikan, dengan kerjasama pelbagai pihak yang berkaitan, baik yang berada di dalam mahupun di luar negara.
5. Peranan yang dimainkan oleh SEARCCT ini disifatkan sebagai pendekatan secara lembut, atau *soft-approach*, dalam menangani ancaman terrorisme dan fahaman melampau yang boleh membawa kepada tindakan ganas, atau lebih dikenali sebagai extremismisme ganas.

6. Pendekatan secara “*soft-approach*” ini penting dalam menyokong dan melengkapi pendekatan secara undang-undang, atau *hard-approach*, yang dimainkan oleh pelbagai agensi penguatkuasaan, dalam menangani isu dan ancaman keganasan bagi memastikan keamanan dan kestabilan negara.
7. Maka, forum pada hari ini adalah antara inisiatif SEARCCT dalam menghadapi ancaman tersebut melalui program kesedaran awam.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

8. Forum kenegaraan pada tahun ini adalah kali ketiga yang dianjurkan oleh SEARCCT. Ia dijalankan secara fizikal, setelah forum sebelum ini yang dianjurkan pada tahun 2020 dan 2021 telah diadakan secara maya disebabkan pandemik COVID-19. Forum kenegaraan ini juga dianjurkan bersempena dengan Bulan Kebangsaan dengan harapan untuk menyemarakkan lagi semangat kenegaraan dalam kalangan masyarakat yang hidup bersama dalam suasana aman dan damai.

9. Pada tahun ini, tema yang dipilih, iaitu “Persefahaman Antara Agama Perkukuh Kesepaduan Sosial” adalah bertujuan untuk membincangkan sudut pandangan kumpulan-kumpulan agama dalam pembentukan kesepaduan sosial.
10. Ini kerana, kesepaduan sosial merupakan satu asas penting bagi sesebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk, untuk hidup dalam keadaan harmoni, sekaligus menjadi benteng bagi mengekang ektremisme ganas yang boleh mengganggu gugat keharmonian negara.
11. Forum ini juga diharapkan dapat memberi pendedahan kepada semua berkaitan fahaman ekstremisme yang boleh mengancam perpaduan dan kesejahteraan rakyat.

Hadirin yang dihormati,

12. Dalam konteks masyarakat berbilang latar di Malaysia, prinsip utama yang perlu diamalkan adakah sikap saling hormat-menghormati, menghargai persamaan dan perbezaan, serta mengamalkan sikap toleransi antara satu sama lain.

13. Oleh yang demikian, meskipun masyarakat menganut berbeza agama, namun perbezaan ini haruslah dirai dengan mencari titik persamaan demi mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan masyarakat. Saya percaya setiap agama sentiasa menyeru penganutnya untuk mengamalkan kebaikan, termasuklah nilai-nilai murni yang membawa kepada kesepaduan sosial.
14. Selain itu, keharmonian dan kesejahteraan ‘Keluarga Malaysia’ turut menekankan peri pentingnya kesatuan dalam masyarakat yang hidup dalam sebuah keluarga yang besar.
15. Oleh itu, saya percaya kehadiran barisan panel pada hari ini akan dapat membantu kita untuk memahami dengan lebih jelas tentang persefahaman antara agama dalam konteks kesepaduan sosial.

16. Sokongan yang diberikan oleh semua terhadap program ini amatlah bermakna buat kami. Semoga program ini membawa manfaat kepada semua, serta dapat berjalan dengan lancar dan jayanya.

Sekian, terima kasih.

Kuala Lumpur

21 September 2022